

02/01/2002

Amaran penting PM sedarkan Melayu

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Beberapa pemimpin menyifatkan perutusan tahun baru 2002 Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai amaran penting bagi menyedarkan masyarakat Melayu mengenai cabaran getir yang bakal dihadapi pada masa depan.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Azalina Said Othman, berkata sikap Melayu yang terlalu beremosi daripada memberi tumpuan meningkatkan diri dalam pelbagai bidang, perlu dihentikan.

"Kenyataan Dr Mahathir mengingatkan orang Melayu satu kenyataan yang pahit tetapi banyak kebenarannya.

"Orang Melayu kini ramai yang lupa tanggungjawab kepada bangsa dan negara sehingga ramai yang lebih mengambil tindakan yang memudaratkan bangsa sendiri," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas perutusan tahun baru Perdana Menteri semalam yang mengingatkan orang Melayu supaya jangan marah dan kecewa jika kerajaan terpaksa bergantung kepada bukan Melayu, untuk melaksanakan tugas penting di negara ini.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu seharusnya menyalahkan diri sendiri jika menjadi kaum yang mundur kerana memilih mengabaikan ajaran Islam berhubung penguasaan ilmu dan fardu kifayah.

Beliau berkata, segala kemudahan, khususnya kepada Bumiputera Melayu, kini bukan saja sia-sia, malah ada orang Melayu berpendapat sementara anak Melayu tidak belajar ilmu penting, bukan Melayu harus disekat daripada mempelajarinya.

Azalina berkata, pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu mencapai kecemerlangan akademik dan tidak sibuk menyertai politik partisan sehingga mengabaikan pelajaran masing-masing.

"Perkataan cemerlang memang sukar diterima sebagai sesuatu yang sinonim dengan orang Melayu. Dalam hal ini, mereka (Melayu) perlu mencapai kecemerlangan bagi memastikan masa depan mereka di tanah air sendiri," katanya.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah berkata, kenyataan Dr Mahathir itu mengingatkan orang Melayu untuk menyiapkan diri untuk menjadi bangsa yang boleh bersaing dengan kaum lain.

Beliau berkata, hanya melalui penghayatan ilmu sebagai budaya hidup dapat menjadikan orang Melayu sebagai bangsa yang berpengaruh dalam jangka masa panjang.

"Orang Melayu mesti menjadi terhormat dengan kebolehannya dan bukan bergantung kepada bantuan kerajaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, mulai tahun ini, MBM akan memberi lebih tumpuan dalam menyediakan latihan kemahiran serta kejuruteraan kepada belia Melayu.

Beliau berkata, walaupun majoriti orang Melayu beragama Islam, namun prestasi akademik pelajar Melayu jauh terbelakang jika dibandingkan dengan masyarakat Cina dan India.

(END)